

Harga minyak menokok semalam dengan bekalan minyak mentah dijangka berkurangan menuju 2017 susulan keputusan OPEC dan pengeluar minyak lain untuk mengurangkan pengeluaran bagi menaikkan harga.

Dagangan hadapan Brent didagangkan pada AS\$55.57 satu tong pada 0401 GMT, naik 36 sen, atau 0.7 peratus, daripada penutup sebelum ini.

West Texas Intermediate (WTI) menokok 43 sen, atau 0.8 peratus, pada AS\$52.33 satu tong.

Pedagang berkata, harga dagangan hadapan yang lebih tinggi disebabkan jangkaan pasaran yang semakin sempit.

OPEC dan pengeluar bukan OPEC diterajui Russia mengumumkan pengurangan hampir 1.8 juta tong sehari mulai Januari 2017 dalam usaha menaikkan harga.

"Dengan pelabur kini menjangka pematuhan tinggi dengan persetujuan pengurangan pengeluaran itu, harga dijangka mendapat sokongan wajar," kata ANZ.

"Arab Saudi menyatakan kesediaan mengurangkan pengeluaran di bawah paras 10 juta tong sehari sekiranya perlu (daripada sekitar 10.5

13H 20/12
juta tong sehari ketika ini)," kata Morgan Stanley.

ANZ berkata, sedikit kelemahan dalam nilai dolar AS juga membantu mengukuhkan sentimen pelabur.

Dolar AS susut 0.8 peratus berbanding beberapa mata wang utama sejak mencecah paras tertinggi 2002 minggu lalu.

Perubahan nilai dolar boleh menjejaskan permintaan minyak berikutan ia mempengaruhi harga bahapapi bagi negara yang membeli menggunakan mata wang tempatan.

Sungguhpun begitu, terdapat faktor lain yang mempengaruhi pasaran, yang menghalang kenaikan lanjut harga.

Di AS, negara yang tidak terbabat dalam persetujuan pengurangan pengeluaran itu, penggerudian bagi minyak baharu meningkat untuk tujuh minggu.

Penggerudi menambah, 12 pelantar minyak dalam minggu berakhir 16 Disember, menjadikan jumlah kepada 510, tertinggi sejak Januari, biarpun masih di bawah paras 541 setahun lalu, menurut firma perkhidmatan tenaga Baker Hughes.

REUTERS